

Menurut Tunku lagi, tokoh ini mempunyai perawakan yang lemah lembut, kuat bekerja dan mempunyai latar belakang agama yang kuat. Kejayaan tokoh ini dibidang dakwah di Sarawak, kata Tunku, mengkagumkan dan mendapat sanjungan di kalangan para pemimpin Islam dunia.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **A. Kesimpulan**

1. Tun Abdul Rahman Ya'kub dilahirkan di Kampung Jepak Bintulu pada 3 Januari 1928. Ayahnya Wan Ya'kub bin Wan Yusuf dan ibunya Siti Hajar binti Mohd Tahir dan merupakan anak bongsu dari enam bersaudara. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Anchi di Miri. Ayah beliau menginginkannya menjadi tokoh agama dan melanjutkan pelajaran di Madrasah Arab Al-Juned, namun ditolak oleh ibunya yang tidak mahu berjauhan dengannya dan kemudian ditukarkan ke Sekolah St Joseph, Miri. Kerana kendala keuangan, beliau meninggalkan sekolah dan mencari pekerjaan. Pada tahun 1958, beliau melanjutkan pelajaran ke Universitas Southampton, Inggeris dalam jurusan hukum dan sekembalinya di tanah air, langsung dilantik sebagai Wakil Jaksa Penuntut Umum di Departemen

Hukum Sarawak. Kerana potensi kepimpinan beliau kemudian dipilih untuk menjadi Menteri Pendidikan. Kerana kelantangan beliau bersuara dan telah banyak memberi ide kepada kemajuan Negara Malaysia langsung menjadikan beliau terpilih untuk memimpin negerinya sendiri yaitu Sarawak.

2. Tun Abdul Rahman Ya'kub telah banyak melakukan kemas kini gerakan dakwah yaitu dengan menginstitusikan dakwah menjadi gerakan secara kolektif melalui organisasi BINA sebagai langkah yang besar dan kedepan yang tidak difikirkan oleh tokoh-tokoh yang ada ketika itu dan berhasil melebarkan pencapaian dakwah di Sarawak apabila membawa golongan non-muslim untuk memeluk agama Islam dalam jumlah yang besar. Berbagai aktiviti-aktiviti dakwah yang diambil tokoh ini antaranya Surau Setia, Pusat Latihan Dakwah BINA, Foster Home, TK BINA, Klinik Bergerak, Ziarah Pedalaman, Perkampungan Baru Islam, Anugerah Ibadah Haji dan juga tidak lupa ekonomi umat Islam sendiri. Beliau juga telah mendirikan Koperasi BINA yang dapat memberi ruang kepada orang Islam yang ingin melibatkan diri dalam perniagaan.
3. Sewaktu menjabat sebagai Menteri Pendidikan, beliau mengilhamkan konversi media Inggeris ke Bahasa Melayu bagi sekolah dan perguruan

tinggi bahkan merupakan antara individu yang mencetuskan ide berdirinya Universitas Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau juga antara pemimpin yang lantang mengusulkan perlunya Malaysia memiliki perusahaan minyak sendiri sampai menyaksikan perusahaan PETRONAS berdiri pada tahun 1976. Pada peringkat administrasi negara beliau berhasil merintis usaha damai dengan pihak Komunis di Sarawak dan berhasil mewujudkan kerajaan campuran yang pertama di Malaysia. Sewaktu menjabat sebagai Ketua Menteri Sarawak, beliau merupakan seorang tokoh yang menggunakan dasar kepemimpinan Islam bahkan memperkukuh kedudukan politik umat Islam di tanah airnya dengan melaksanakan usaha dakwah melalui pengIslaman golongan non-muslim kerana peningkatan jumlah orang Islam di Sarawak akan memperkukuh kedudukan politik umat Islam di Sarawak.

## **B. Saran-Saran**

Penulis mempunyai saran-saran yang perlu dijadikan catatan penting yaitu:

1. Gerakan dakwah yang ada sekarang ini hendaklah lebih focus dalam melahirkan generasi muda Islam yang mempunyai ciri-ciri pemimpin yang mantap sepertimana kepemimpinan tokoh ini. Berdasarkan apa yang disebut diatas mengenai tokoh ini melakukan jihad sosial menerusi

gerakan dakwah. Tokoh ini memastikan dakwah beliau merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan masyarakat seperti politik, ekonomi, sosial dan teknologi.

Perkara ini tidaklah mustahil dan sepatutnya mudah dicapai oleh dakwah kontemporari memandangkan terdapat kemudahan dari segi infrastruktur dan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat yang canggih boleh dilibatkan untuk mencapai tujuan itu. Di samping itu terdapat cerdik pandai dari kalangan orang Islam dalam berbagai disiplin ilmu yang boleh dimanfaatkan kepakaran mereka untuk merangka dan menyediakan modul unggul untuk melahirkan pemimpin unggul.

Oleh itu, penulis mencadangkan dakwah kontemporari mestilah dipelajari daripada tokoh ini dalam aspek perancangan dan pelaksanaan dakwah holistic, jihad sosial dan melangkaui zaman bagi menghasilkan impak dakwah yang berskala besar.

2. Penulis mencadangkan pihak pertubuhan dakwah memikirkan dan membina jaringan dakwah global dalam rangka melakukan *islah* dan dakwah ke negara-negara yang masih memerlukan. Jaringan dakwah global amat perlu ke arah pembentukan daulah islamiah ataupun mengembalikan *khalifah islamiah*.

tokoh ini membina hubungan dan mempelopori jaringan dakwah global dengan negara-negara luar seperti Libya, Arab Saudi, Moroko, Indonesia

dan lain lagi. Bahkan tokoh ini adalah ahli seumur hidup pertubuhan Islam terbesar dunia yaitu *Rabitah al'Alam al-Islami*. Jaringan ini banyak memberi faedah kepada gerakan dakwah tokoh ini di Sarawak terutamanya dari aspek kewangan dan tenaga pakar dalam berbagai bidang Islam.

3. Kejayaan besar yang perlu dianalisa mendalam ketika pemerintahan tokoh ini ialah perkembangan dakwah Islamiah yang pesat. Sebagai seorang pemimpin yang beragama Islam, beliau merasa tanggungjawab untuk menerangkan ajaran Islam kepada seluruh warga pimpinannya. Dengan yang demikian, tidak timbul unsur-unsur paksaan dalam soal beragama kepada rakyatnya yang bukan Islam setelah jelas kepada mereka tentang ajaran Islam yang sebenar. Oleh yang demikian, tanggungjawab dakwah dalam sesebuah pemerintahan negara bukan semata-mata tanggungjawab para ulamak, malah juga adalah amanah yang perlu dilaksanakan oleh para pemimpin negara.

### **C. Penutup**

Sebagai penutup, seharusnya kita kembali kepada suri tauladan kepimpinan sejagat yang telah dilaksanakan oleh junjungan kita, Rasulullah SAW. Sesungguhnya kepimpinan Baginda SAW meliputi segala bidang kehidupan. Baginda bukan sahaja pemimpin agama yang memurnikan akidah

dan kepercayaan manusia, bahkan disamping itu Baginda menjadi seorang pemimpin yang besar (negarawan) yang dapat menyusun dan memimpin sesuatu pemerintahan yang baik, meliputi semua bidang kehidupan manusia, politik, pentadbiran dan pertahanan negara, ekonomi, pendidikan, sosio budaya yang harmoni dan unggul. Baginda adalah seorang ahli hikmah, pelaksana menurut ajaran yang dikembangkan, negarawan yang ulung, perajurit dan ketua tentera yang berani, Pembina akhlak dan moral. Baginda merupakan pemimpin kepada seluruh bidang kehidupan duniawi dan ukhrawi, kerohanian dan kebendaan. Dengan itu, mestilah kita mencontohi kepemimpinan pemerintahan Baginda, karena Nabi Muhammad SAW adalah satu-satunya contoh misali kepemimpinan dimana semua keunggulan, keistimewaan terkumpul dalam diri peribadinya.